

Ucapan: 4040
402
2/80

(7)

UCHAPAN MENTERI PELAJARAN ENCHE HUSSEIN ONN
DI-PEMBUKAAN SEMINAR ANJORAN UNESCO MENGENAI
PEMBANGUNAN BIDANG PELAJARAN PENDIDIKAN GURU2
DI-MAKTAB PERGURUAN PERSEKUTUAN PULAU PINANG
PADA 3 DISEMBER, 1970, PUKUL 10.00 PAGI

Dasar kita bukan sahaja hendak menjadikan, pada matlamat-nya, Bahasa Malaysia sa-bagai bahasa pengantar yang utama dari peringkat sekolah rendah ka-peringkat universiti, tetapi juga bersaing dengan ini, memelihara dan lebeh2 lagi memajukan darjah pelajaran kita. Ini sangat2-lah perlu supaya ra'ayat sekalian mempunyai keperchayaan terhadap sistem pelajaran negara ini. Kemajuan yang pesat dan baik di-dalam berbagai2 bidang bergantung kapada-nya.

2. Untuk mendapatkan-nya, hendak-lah kita mula dengan guru kita. Guru2 kita bukan sahaja mesti mempunyai kelayakan yang sesuai tetapi juga latehan yang sesuai.

Seminar ini, yang di-anjorkan oleh UNESCO berkenaan dengan "Pembangunan Bidang Pelajaran Pendidikan Guru" tentu sekali akan memberi nilai dan faedah yang besar kapada Kementerian Pelajaran.

3. Sa-bagaimana tuan ketehui, keperluan untuk pelajaran di-negara kita kian bertambah dari sa-tahun ka-satahun. Bilangan kanak2 di-sekolah2 sudah berjumlah lebeh kurang dua juta dan beribu2 pula bilangan penuntut2 di-maktab2 dan di-universiti2. Angka2 ini akan bertambah besar dari sa-tahun ka-satahun. Pelajaran yang kita berikan mesti-lah memuaskan keperluan persaorangan kanak2 itu serta juga keperluan semula jadi mereka sekira-nya pelajaran itu ada mempunyai nilai-nya.

4. Kementerian Pelajaran ada-lah memberi keutamaan atau priority kapada latehan dan pelajaran guru. Sa-memang ada keperluan yang mustahak yang perlu di-beri perhatian. Keperluan2 itu ady-lah saperti :-

- (a) Menegakkan penghormatan dari orang ramai dan meninggalkan penghargaan terhadap jawatan guru.
- (b) Menanamkan semula rasa keminatan dan dedikasi, dan
- (c) Mengorientasikan semula rancangan pelajaran guru2 untuk mendapatkan dua perkara ini.

Saya berpendapat proses orientasi semula ini mesti-lah termasuk -

- (a) Pengkajian semula "curriculum" di-sekolah2,

- (b) Kajian ikut yang logikal di-dalam mengkaji semula curriculum di-peringkat pelajaran guru, dan
- (c) Rancangan latihan semula bagi guru2 yang sedang mengajar di-sekolah2.

Jentera untuk pengorientasi semula ini hendak-lah termasuk -

- (a) Jawatankuasa Ulangkaji Dasar Latihan Guru2 yang mengandungi wakil2 daripada semua bahagian dalam Kementerian Pelajaran untuk menentukan ko-ordinasi,
- (b) Jawatankuasa Kecil Bertindak untuk menyediakan butir2 lanjut,
- (c) Perundingan yang rapi di-antara Ketua2 Pegawai Pelajaran, Sekolah2 dan Maktab Latihan Guru yang boleh menyumbangkan pengalaman dan chadangan di-peringkat sa-rendah2-nya dan juga yang akan menjalankan dasar itu.

5. Seminar ini di-wakili oleh semua golongan. Ini akan memberi faedah yang besar kepada Rancangan Pelajaran Guru2 terutama sekali di-dalam hal yang berikut :

- (a) aliran dalam pelajaran guru2 di-dunia dan di-Asia,
- (b) Perkaitan atau integrasi Pelajaran guru di-peringkat rendah dan menengah,
- (c) Ikhtiar untuk menchari kerjasama di-antara Maktab2 Latihan Guru, Sekolah2 dan Jema'ah Nazir Sekolah2.

Sungguh perlu di-jalinkan perhubungan yang rapat di-antara Maktab2 Perguruan dengan Fakulti2 Pendidikan universiti.

6. Seminar di-peringkat kebangsaan ini ia-lah penyusulan daripada perbincangan2 yang di-adakan berkenaan "Rancangan Ulangkaji Pelajaran Guru" yang telah berlangsung di-Paris dalam tahun 1967 dan di-peringkat Asia yang telah di-adakan di-Manila dalam tahun 1969. Seminar kebangsaan ini kena pula pada masa-nya kerana tahun ini ia-lah Tahun Pelajaran Antara Bangsa Bangsa2 Bersatu. Seminar peringkat kebangsaan ini telah di-anjorkan oleh UNESCO yang telah bermurah hati menyumbangkan derma sa-banyak US \$1,000 untuk perbelanjaan menjalankan Seminar ini. Saya mengucapkan terima kaseh kepada UNESCO kerana sumbangan ini. Saya juga mengucapkan terima kaseh kepada

Enche Prevost ia-itu Ketua Perwakilan UNESCO di-Malaysia kerana khidmat dan pertolongan-nya.

Bagi pihak Kementerian Pelajaran dan lain2 yang berkenaan saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Dr. El Shibiny. Dr. El Shibiny yang datang dari Pusat Pengajian Pelajaran Guru Asia di-Manila ia-lah sa-orang pakar tentang hal pelajaran guru2.

Saya di-fahamkan bahawa Dr. El Shibiny akan menyampaikan suatu kertaskerja berkenaan dengan "Langkah2 untok memajukan curriculum Pelajaran Guru2". Saya juga mengetahui bahawa Enche Somasundram, Dr. Chai Hon Chan, Tuan Hj. Lokman Musa, Enche Paul Chang, Dr. Sim Wong Kooi akan juga mengemukakan kertaskerja masing2.

Akhir sekali, saya yakin peserta2 di-dalam seminar ini akan giat mengambil bahagian. Saya akan mengikuti perbincangan tuan2 dengan sa-penoh2 minat dan saya berharap akan menerima selanjut-nya laporan, kesimpulan dan usul tuan2.



No. Siri 3
No Penerimaan 3/80